

BULETIN MPKUL

Perbandaran Cemerlang

Sejahtera Semua

EDARAN PERCUMA | www.mpkulai.gov.my

Majlis Penutup Lawatan Kerja

**YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
KE DAERAH DAERAH NEGERI JOHOR
DAERAH KULAI**

**BERSAMA KITA
HENTIKAN
BUDAYA BULI**

3

EDISI 2025



Imbas Kod untuk
Terbitan Digital

**Menarik
di dalam...**

TRANS QJM GUNUNG PULAI
ULTRA 2025 TARIKAN BARU
PELANCONG KE KULAI.

INISIATIF BAS PERCUMA PAJ
FELDA INAS KE
BANDAR TENGGARA.

PROGRAM JELAJAH
ORANG JOHOR
(JOJ) DUN BUKIT PERMAI.



Kandungan



3

YANG DIPERTUA MPKu Menyantuni Peniaga dan Pengunjung Sempena Program Jualan Rahmah Madani di Pasar Awam Kulai.

4

MEDAN Selera Digesa Patuhi Aspek Keselamatan Makanan dan Peraturan Perniagaan.
TRANS QJM Gunung Pulai Ultra 2025, Tarikan Baru Pelancong ke Kulai.

5

INISIATIF Bas Percuma PAJ Felda Inas ke Bandar Tenggara.

6

LAWATAN KERJA ke Majlis Perbandaran Kulai oleh Delegasi Majlis Perbandaran Alor Gajah.

7

EMPAT Premis Pusat Snuker Disita dan Ditutup Serta Merta.

8

MAJLIS Penyerahan Dewan Mini Cendana daripada IOI Properties kepada Majlis Perbandaran Kulai.

9

MAJLIS PERBANDARAN KULAI Perkukuh Hubungan Bersama Jabatan Imigresen Malaysia dalam Menangani Isu Warga Asing di Daerah Kulai.

10

BERSAMA KITA Hentikan Budaya Buli.
SESI Perkongsian Inisiatif Kecerdasan Buatan (AI) Bersama MPC dan NAIQ.

11

MAJLIS SAMBUTAN Maulidur Rasul Peringkat Daerah Kulai 1447H/2025M.
PROGRAM Jelajah Orang Johor (JOJ) DUN Bukit Permai.

12

MAJLIS Perasmian Program Celik Keselamatan Siber Kanak-kanak Makmur Johor Daerah Kulai 2025.

13

MPKu Menjadi Wakil Johor Mempamerkan Kulai Fast Lane (KFL) di Simposium Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA).
MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKu) Turut Serta Dalam Johor Smart City Forum (JSCF) 2025.

14

MAJLIS Penutup Lawatan Kerja Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor ke Daerah-daerah Negeri Johor Daerah Kulai.

15

MAJLIS Perhimpunan Jalinan Mesra Warga Kakitangan MPKu 2025.



PENGHARGAAN BULETIN

TUAN MOHD HAFIZ BIN ALIMAN
YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KULAI

TUAN HAJI TS. AZMEE BIN AWANG K.B.P.A
SETIAUSAHA, MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Yang Dipertua,
Ahli-Ahli Majlis dan Seluruh Warga Kerja,
Majlis Perbandaran Kulai.

Bahagian Penerbitan
Unit Korporat & Perhubungan Awam,
Majlis Perbandaran Kulai.

Majlis Perbandaran Kulai
Jalan Pejabat Kerajaan,
81000 Kulai, Johor, Malaysia

Tel : 607-661 3000
Faks : 607-663 2407
Email : mpkulai@mpku.gov.my
www.mpkulai.gov.my



YANG DIPERTUA MPK_u MENYANTUNI PENIAGA & PENGUNJUNG SEMPENA PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI DI PASAR AWAM KULAI



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Negeri Johor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kulai telah mengadakan Jualan Rahmah Madani di Pasar Awam Kulai yang dihadiri oleh Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai.

Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) ini, Tuan Yang Dipertua berkesempatan menyantuni para peniaga di pasar awam bersempena program Jualan Rahmah Madani.

Program ini adalah untuk membantu masyarakat terutamanya golongan berpendapatan rendah dengan menyediakan barang keperluan harian pada harga yang lebih mampu milik dengan menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian antara 10 peratus sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga biasa pasaran setempat.

Program Jualan Rahmah Madani ini juga telah memberi peluang kepada 14 peniaga pasar awam sediaada untuk menyertai program dan secara tidak langsung dapat meningkatkan jualan dan pendapatan mereka.

Turut hadir di program ini adalah Puan Lilis Saslinda binti Pornomo, Pengarah KPDN Negeri Johor; Yang Berusaha Ts. Tuan Hj Azmee bin Awang, Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai; Tuan Mohd Fadil bin Misnan, Ketua Ahli Majlis Perbandaran Kulai dan Haji Nazlie bin Abdul Razak, Ahli Majlis Zon Kg. Melayu.





MEDAN SELERA DIGESA PATUHI ASPEK KESELAMATAN MAKANAN DAN PERATURAN PERNIAGAAN



12.07.2025 Buletin 2025-3

TRANS QJM GUNUNG PULAI ULTRA 2025 TARIKAN BARU PELANCONG KE KULAI





INISIATIF BAS PERCUMA PAJ FELDA INAS KE BANDAR TENGGARA

Satu lawatan menaiki Bas Percuma PAJ telah diadakan bersama Yang Berhormat Dato' Mohd Jafni Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, bersama para pelajar dari Felda Inas menuju ke SMK Bandar Tenggara 1, SMK Bandar Tenggara 2 dan SMK Seri Pinang.

Inisiatif ini merupakan hasil kerjasama antara Perbadanan Pengangkutan Awam Johor, Pejabat Daerah Kulai dan Majlis Perbandaran Kulai sebagai langkah proaktif susulan insiden kemalangan maut yang berlaku di Jalan Inas, Bandar Tenggara.

Kemudahan bas percuma ini bukan sahaja menjadi pengangkutan utama pelajar, malah turut membantu mengurangkan beban ibu bapa, menjamin keselamatan anak-anak dan memberi manfaat kepada penduduk sekitar. Perkhidmatan ini juga meliputi kawasan seperti Felda Taib Andak dan berakhir di Terminal Kulai.

Turut hadir dalam program ini ialah Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai; Yang Berusaha Tuan Ts. Tuan Hj Azmee bin Awang, Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai; Tuan Mohd Fadil bin Misnan, Ketua WHIP Majlis Perbandaran Kulai; serta ketua-ketua jabatan Majlis Perbandaran Kulai.



LAWATAN KERJA KE MAJLIS PERBANDARAN KULAI OLEH DELEGASI MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

Satu lawatan kerja oleh delegasi Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) ke Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah berlangsung dan disambut mesra oleh Tuan Haji Ts. Tuan Hj Azmee bin Awang, Setiausaha MPKu.

Delegasi MPAG yang diketuai oleh Yang Dihormati Tuan Ghafar bin Ngah, Ketua Ahli Majlis MPAG, hadir bersama pegawai teknikal bagi tujuan perkongsian maklumat, khususnya berkaitan pengurusan pembangunan serta pelaksanaan inisiatif Kulai Fast Lane (KFL) oleh MPKu.

Turut hadir menyambut delegasi ialah Tuan Mohd Fadil bin Misnan, Ketua WHIP MPKu; barisan Ketua-Ketua Jabatan, Sekretariat KFL, serta wakil delegasi dari MPAG.

Warga kerja Majlis Perbandaran Kulai merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada delegasi MPAG atas kesudian hadir dalam lawatan kerja ini.





EMPAT PREMIS PUSAT SNUKER DISITA DAN DITUTUP SERTA MERTA



MAJLIS PENYERAHAN DEWAN MINI CENDANA DARIPADA IOI PROPERTIES KEPADA MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Majlis Penyerahan Dewan Mini Cendana daripada IOI Properties kepada Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah disempurnakan dalam satu acara rasmi yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Penyerahan ini melambangkan komitmen pihak pemaju dalam menyokong pembangunan komuniti setempat, di mana dewan tersebut akan diuruskan sepenuhnya oleh MPKu untuk dimanfaatkan oleh penduduk sekitar sebagai ruang aktiviti sosial dan kemasyarakatan.

Majlis ini turut dihadiri oleh lebih 150 peserta yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan, wakil syarikat pemaju serta penduduk Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) Cendana. Kehadiran para tetamu kehormat turut menyerikan majlis, antaranya Tuan Mohd Hafiz bin Aliman selaku Yang Dipertua MPKu, Ts. Tuan Hj Azmee bin Awang selaku Setiausaha MPKu, Puan Afzan binti Azhari selaku Pentadbir Tanah Daerah Kulai, Tuan Lim Beng Yeang selaku Chief Operating Officer, Tuan Kelvin Tang Yong Teck selaku Head of BU Kulai Precinct, serta Tuan Mohd Fadhil bin Misnan selaku Ketua WHIP MPKu.

Majlis ini bukan sahaja memperkukuh hubungan strategik antara pihak berkuasa tempatan dan pemaju, malah menjadi simbol kerjasama dalam menyediakan kemudahan yang berkualiti kepada masyarakat.





MAJLIS PERBANDARAN KULAI PERKUKUH HUBUNGAN BERSAMA JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA DALAM MENANGANI ISU WARGA ASING DI DAERAH KULAI



Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) bersama Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor (JIM) mengadakan sesi perjumpaan dan perbincangan bagi menetapkan hala tuju penguatkuasaan kawalan warga asing di daerah Kulai.

Sesi ini dipengerusikan oleh Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua MPKu, bagi menyambut kehadiran delegasi JIM Negeri Johor yang diketuai oleh Tuan Norfaizal bin Rahim, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor.

Perbincangan ini menjadi titik permulaan yang positif antara kedua-dua pihak dalam memperkukuh persefahaman serta memperjelas bidang kuasa masing-masing berkaitan gerak kerja penguatkuasaan terhadap warga asing yang melanggar peraturan dan undang-undang.

Usaha ini diharap dapat meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat, khususnya di bawah pentadbiran MPKu. Pihak MPKu turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran delegasi JIM dalam memperkukuh kerjasama serta pemerkasaan aspek penguatkuasaan.

Turut hadir dalam sesi ini ialah Yang Berusaha Ts. Tuan Hj Azmee bin Awang, Setiausaha MPKu; Tuan Mohd Fadil bin Misnan, Ketua Ahli Majlis MPKu; Ahli Majlis serta Ketua-Ketua Jabatan berkaitan.



BERSAMA KITA HENTIKAN BUDAYA BULI

Majlis Perbandaran Kulai menyeru seluruh masyarakat untuk bersama-sama menghentikan budaya buli. Usaha ini penting demi membina persekitaran yang lebih selamat, penuh kasih sayang, saling menghormati dan sejahtera.

Perbuatan kejam seperti buli tidak wajar dinormalisasikan dalam kehidupan seharian. Kita semua bertanggungjawab untuk cakna dan peka terhadap gejala ini yang boleh berlaku di mana-mana sama ada di sekolah, tempat kerja mahupun komuniti setempat.

Ayuh kita bersama membentuk masyarakat yang bebas daripada budaya penindasan. Dengan keprihatinan dan tindakan bersama, Kulai mampu menjadi sebuah bandar yang lebih aman, selamat dan harmoni untuk semua.



SESI PERKONGSIAN INISIATIF KECERDASAN BUATAN (AI) BERSAMA MPC DAN NAI0





Majlis Sambutan Maulidur Rasul

PERINGKAT DAERAH KULAI 1447/2025M



07.09.2025

Buletin 2025-3



PROGRAM

JELAJAH ORANG JOHOR (JOJ)

DUN BUKIT PERMAI





Dewan Raya MPKu, Kampung Melayu, Kulai.

Majlis Perasmian PROGRAM CELIK KESELAMATAN SIBER KANAK-KANAK MAKMUR JOHOR DAERAH KULAI 2025

Program Celik Keselamatan Siber Kanak-Kanak Makmur Johor Daerah Kulai 2025 anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Kulai telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai. Turut hadir Haji Nazlie bin Abd Razak, Ahli Majlis Zon 16, Kampung Melayu, Kulai.

Dalam ucapan perasmian, Yang Dipertua menekankan kepentingan pendidikan keselamatan siber dalam kalangan kanak-kanak, khususnya berkaitan ancaman digital dan pendedahan kepada internet. Beliau menyeru agar semua pihak daripada peringkat murid sekolah hingga ke ibu bapa memainkan peranan aktif dalam membentuk kesedaran serta perlindungan terhadap risiko siber. MPKu sebagai Pihak Berkuasa Tempatan di Kulai sentiasa komited menyokong usaha ke arah persekitaran digital yang selamat dan sejahtera.

Program ini selari dengan Kempen Kami Anti Buli: Buli Bukan Budaya Johor dan merupakan kesinambungan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak Daerah Kulai.

Ceramah kesedaran disampaikan oleh wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kulai, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (IPD) Kulai dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Cawangan Johor.

Seramai 140 murid bersama 8 guru pengiring dari enam sekolah rendah sekitar Kulai turut serta sebagai peserta. Sekolah yang terlibat ialah SK Kulai, SK Taman Kota Kulai, SK Kulai 1, SJK Ladang Kulai Besar, SJKC Kulai 1 dan SJKC Kulai Besar.

Turut hadir memeriahkan program ialah Puan Norain binti Norazmi (PKMD), Hajah Noraziah binti Haji Saadon (PKKK), Haji Mohd Halim Ridhaudin Abd Manap (PPKK) serta Tuan Koh Kia Yeow dari IPD PDRM Kulai.

Penyertaan Guru & Murid Sekolah:-

- 1.Sekolah Kebangsaan Kulai
- 2.Sekolah Kebangsaan Taman Kota Kulai
- 3.Sekolah Kebangsaan Kulai 1
- 4.Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Kulai Besar
- 5.Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kulai 1
- 6.Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kulai Besar





MPKU MENJADI WAKIL JOHOR MEMPAMERKAN KULAI FAST LANE (KFL) DI SIMPOSIUM AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (ARPA)



MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKU) TURUT SERTA DALAM JOHOR SMART CITY FORUM (JSCF) 2025





Majlis Penutup LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR KE DAERAH DAERAH NEGERI JOHOR DAERAH KULAI



Lawatan kerja Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd. Rahman, Setiausaha Kerajaan Johor ke daerah-daerah Negeri Johor telah melabuhkan tirai di Daerah Kulai. Ketibaan beliau bersama rombongan disambut oleh Yang Berbahagia Tuan Fizwan bin Dato' Haji Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai dan Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai.

Lawatan ini bertujuan meninjau pelaksanaan pentadbiran daerah, menyantuni warga kerja jabatan serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara pentadbiran negeri dan daerah. Turut serta ialah Yang Dihormati Datin Halimah binti Mohamed Rasip, Pengerusi Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Negeri Johor.

Antara pengisian program termasuk lawatan FootGolf di Hutan Bandar MPKu, pertandingan Gel Blaster Shooting Target dan pertandingan Capteh yang melibatkan rombongan serta ketua-ketua jabatan. Datin Halimah turut meninjau produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) melalui demonstrasi pembuatan kuih ros, tempe, otak-otak, kuih ketayap, mencanting batik, kukur kelapa serta aktiviti "Experience Like Barista".

Dato' Setiausaha Kerajaan Johor turut menyampaikan bantuan kepada golongan asnaf serta menyerahkan geran sumbangan kepada Pegawai Daerah dan PUSPANITA Cawangan Daerah Kulai sebagai tanda sokongan kepada inisiatif tempatan.

Turut hadir ialah Timbalan-Timbalan Setiausaha Kerajaan, Pegawai-Pegawai Daerah, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai Tadbir Negeri Johor serta Penghulu-Penghulu Mukim. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd. Rahman serta delegasi atas kesudian mengadakan lawatan rasmi ke Daerah Kulai.





Majlis PERHIMPUNAN JALINAN MESRA WARGA KAKITANGAN MPKu 2025

Majlis Perhimpunan Jalinan Mesra Warga Kakitangan MPKu 2025 telah berlangsung dengan jayanya dan dihadiri oleh Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai.

Majlis ini bertujuan mengukuhkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan warga kerja MPKu melalui pengisian santai dan interaktif. Atur cara dimulakan dengan bacaan doa, diikuti nyanyian lagu Bangsa Johor, Negaraku dan lagu rasmi Majlis Perbandaran Kulai.

Dalam ucapan pembukaan, Yang Dipertua memulakan dengan doa dan selawat, serta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kakitangan yang hadir. Beliau turut menekankan nilai amanah dan tanggungjawab setiap warga kerja terhadap organisasi, serta mengucapkan terima kasih dan tahniah atas komitmen yang ditunjukkan dalam menjayakan pelbagai program dan tugas rasmi MPKu.

Majlis diteruskan dengan aktiviti riadah dan lawatan santai bersama pengurusan tertinggi dan Ahli Majlis ke kawasan sekitar Gunung Pulai. Aktiviti ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat, malah menjadi simbolik kepada semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan warga kerja.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Yang Berusaha Tuan Ts. Hj Azmee bin Awang, Setiausaha MPKu; Tuan Mohd Fadil Misnan, Ketua WHIP MPKu; Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan serta seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Kulai.



Majlis **PEKBARISAN & PERARAKAN** **SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-68 TAHUN 2025** *Peringkat Daerah Kulai*



www.mpkulai.gov.my



[mpku_official](#)



019 758 2828



Majlis Perbandaran Kulai



[mpkulai](#)



Kulai TV



mpku@johor.gov.my
aduan.mpkulai@johor.gov.my